



فجابه ستياوسها كراجان نكري كلنتن
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim,
15503 KOTA BHARU
KELANTAN.

Tel : 09-748 1957
Pengarah : 09-748 5826
Faks : 09-747 0890 /
: 747 4152 / 748 2652
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami : SUK.D.200(01)15/1/1 JLD.3(97)

Tarikh : 6 Ramadhan 1442H /

18 April 2021

Ke Majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pengarah Urusetia Kerajaan Negeri

YB.Dato'/ YBhg.Dato'/YM. Tengku/ Tuan / Puan,

**PELAKSANAAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR) BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PENGGERAKAN (PKP)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Arahan Pentadbiran Bilangan 5 Tahun 2021 Pengoperasian Perkhidmatan Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pentadbiran ini bersetuju supaya Ketua Jabatan memberi **kelonggaran** kepada pegawai di bawahnya untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi keadaan berikut :-

- i. pegawai yang mempunyai keperluan untuk menjaga anak yang berusia 12 tahun dan ke bawah serta anak kelainan upaya (OKU) akibat penutupan taska/pusat asuhan kanak-kanak/sekolah rendah.
- ii. pegawai yang menghidap penyakit berisiko tinggi
- iii. pegawai wanita yang mengandung.

3. Sehubungan dengan itu, diminta kerjasama Ketua Jabatan untuk memberi kebenaran kepada mana-mana pegawai yang terlibat dan dalam masa yang sama memastikan fungsi perkhidmatan asas di Jabatan masing-masing masih tidak terjejas serta dapat dicapai oleh pelanggan. Pegawai yang diarahkan Bekerja Dari Rumah (BDR) perlu mematuhi peraturan sebagaimana **Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 3 Tahun 2021 Dasar Bekerja Dari Rumah**.

Ruj. Kami : SUK.D.200(01)15/1/1 JLD.3(97)

Tarikh : 6 Ramadhan 1442H /

18 April 2021


4. Kerjasama dan perhatian daripada YB.Dato'/ YBhg.Dato'/YM. Tengku/ Tuan / Puan berkenaan perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD ZAKI BIN YUSOFF)
Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

s.k.: - YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- YM Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pengurusan)